

Bahagian A

1. Antara berikut, yang manakah benteng pertahanan dan perlindungan semula jadi yang terdapat di muara sungai?

SP 6.1.1 TP1

- I Pokok bakau III Selat Melaka
II Bukit-bukau IV Pokok api-api
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

2. Antara berikut, sultan yang manakah mengutamakan keamanan dan kebajikan rakyat?

SP 6.1.2 TP1

- I Sultan Muhammad Jiwa
II Sultan Muhammad Shah
III Sultan Muzaffar Shah
IV Sultan Mansur Shah
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

3. Apakah peranan raja dalam sistem pemerintahan?

SP 6.1.2 TP1

- A Mengetuai peperangan
B Menegakkan keadilan
C Menyelaraskan perundangan
D Menjadi simbol kekayaan ekonomi

4. Senarai berikut merupakan peranan pembesar peringkat pusat.

SP 6.1.2 TP2


- Penasihat raja.
- Ketua hakim.
- Pemangku sultan.
- Menteri utama peringkat pusat.

Siapakah pembesar tersebut?

- A Penghulu bendahari
B Laksamana
C Temenggung
D Bendahara

5. Rajah berikut menunjukkan sistem Pembesar Empat Lipatan.

SP 6.1.2 TP2



Apakah pembesar X?

- A Pembesar Berempat
B Pembesar Berlapan
C Pembesar Enam Belas
D Pembesar Tiga Puluh Dua

6. Pilih pasangan yang betul.

SP 6.1.2 TP2

	Pedagang	Jumlah cukai
A	Arab	6 peratus
B	India	5 peratus
C	Ceylon	4 peratus
D	Alam Melayu	3 peratus

7. Maklumat berikut berkaitan dengan pengiktirafan China kepada Sultan Melaka.

SP 6.1.2 TP2

Pengurniaan payung kuning, cap mohor dan sepersalinan pakaian

Apakah kesan pengiktirafan tersebut?

- A Memperkukuhkan perdagangan
B Mengelakkan ancaman Siam
C Mengeratkan persahabatan
D Mengekalkan kedaulatan



8. Antara berikut, yang manakah faktor dalaman menyebabkan kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka? **SP 6.1.3 TP2**
- I Masalah kepimpinan
 - II Masalah perpaduan
 - III Masalah kewangan
 - IV Masalah pentadbiran
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
9. Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka menghadapi serangan Portugis? **SP 6.1.3 TP2**
- A Menjalinkan persahabatan
B Meminta bantuan dari Siam
- C Menggunakan tentera berkuda
D Tembakan meriam bertalu-talu dari pantai
10. Apakah iktibar daripada kekalahan Kesultanan Melayu Melaka? **SP 6.1.3 TP2**
- A Rakyat hendaklah ingkar dengan arahan pemimpin
B Pemimpin seharusnya menjaga kebajikan rakyat
C Rakyat hendaklah bersatu padu menentang musuh
D Pemimpin seharusnya mendengar pendapat rakyat